

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

JPDC NILAI BELANJAWAN 2021 SEBAGAI INISIATIF PENTING PEMBANGUNAN SEMULA EKONOMI NEGARA

6 November 2020, Pengerang, Johor – Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC) mengalau-alukan Belanjawan 2021 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan di Parlimen pada 6 November 2020 sebagai inisiatif fiskal pemangkin pembangunan semula ekonomi Malaysia dalam tempoh menangani pandemik COVID-19.

Mohd Yazid Ja'afar, Ketua Eksekutif JPDC menghuraikan Belanjawan 2021 sebagai usaha Kerajaan Persekutuan mengimbangkan keperluan penyediaan sumber yang mencukupi dalam usaha memerangi COVID-19, dan pada masa yang sama memberi lonjakan kepada usaha pemulihan ekonomi.

Dari sudut pandang agensi Kerajaan Persekutuan yang diberi mandat membangunkan industri hiliran minyak dan gas di Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang, Johor, Mohd Yazid melihat usaha memastikan kelangsungan perniagaan dan kelestarian pelaburan akan menjadi tonggak pemulihan ekonomi negara.

“Kami percaya pakej galakan pelaburan berteknologi dan nilai tambah tinggi, disokong oleh peruntukan penyediaan prasarana dan kemudahan kawasan perindustrian boleh menarik minat pelabur-pelabur baharu meninjau peluang perniagaan di Malaysia, serta membantu pelabur domestik dan luar negara yang sedia ada untuk mengembangkan perniagaan mereka dalam era pemulihan ekonomi ini,” kata Mohd Yazid.

Mohd. Yazid turut melihat bahawa rakyat Malaysia yang terjejas dalam kelesuan ekonomi akibat pandemik COVID-19 kini berpeluang untuk menjalani latihan meningkatkan kemahiran kerja atau memperolehi kemahiran baharu, khususnya dalam sektor berteknologi tinggi.

“Sejak 2013, JPDC telah giat mengendalikan program peningkatan kemahiran tenaga kerja industri hiliran minyak dan gas untuk rakyat Malaysia, dengan kerjasama institusi-institusi latihan teknikal dan vokasional (TVET). Sehingga 31 Oktober 2020, lebih daripada 4,000 tenaga kerja Malaysia telah menjalani program latihan di bawah kendalian JPDC,” kata Mohd. Yazid. “JPDC sedia menyumbang idea dan tenaga untuk menjayakan inisiatif di bawah Belanjawan 2021.”

Selain daripada itu, Mohd. Yazid berpandangan bahawa usaha merancakkan pembangunan kawasan perindustrian akan memberi kesan positif dalam memulihkan segmen perusahaan kecil dan sederhana tempatan. Sepanjang projek pembangunan PIPC, beliau telah melihat kesan limpahan positif yang ketara kepada pertumbuhan perusahaan tempatan di Pengerang, Johor, termasuk perniagaan makanan dan minuman, kedai runcit dan pembekal perkhidmatan.

Dalam konteks pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (*Pengerang Integrated Petroleum Complex*, PIPC) seluas 22,904 ekar (8,903 hektar), JPDC akan terus berusaha menarik calon-calon pelabur baharu dalam aktiviti penyimpanan minyak dan produk sudah diproses, penapisan minyak, pemprosesan bahan petrokimia serta pembuatan produk berasaskan petrokimia untuk meninjau peluang memulakan operasi dalam Fasa Kedua pembangunan PIPC.

Dalam Fasa Pertama pembangunan PIPC (2012-2019), dua projek oleh dua pelabur pemangkin telah mula beroperasi.

DIALOG Group dan rakan-rakan niaganya telah membangunkan Pengerang Deepwater Terminals, pusat penyimpanan minyak berkapasiti 1.3 juta meter padu, lengkap dengan kemudahan dermaga laut dalam, dibangunkan atas tapak seluas 1,300 ekar (526 hektar) dan nilai pelaburan USD2.5 bilion.

PETRONAS sedang dalam proses menyiapkan pembangunan Kompleks Bersepadu Pengerang di kawasan seluas kira-kira 6,200 ekar (2,510 hektar) merangkumi loji penapisan minyak, loji pemprosesan petrokimia dan pelbagai kemudahan sokongan dengan nilai pelaburan US\$27 bilion, termasuk usaha sama dengan Saudi Aramco dari Arab Saudi.

Pelabur-pelabur lain yang sedang membangunkan projek industri hiliran minyak dan gas di PIPC termasuk Johor Corporation dan Kumpulan Serba Dinamik.

“JPDC sedia menggembung tenaga membantu Kerajaan melaksanakan insiatif di bawah Belanjawan 2021 untuk meneruskan pembangunan PIPC, sebagai penggerak pemulihan ekonomi Malaysia,” kata Mohd Yazid lagi.

TAMAT

Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC) adalah agensi di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras, memudahcara dan mempromosi pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang, sebuah hab industri hiliran minyak dan gas di di Pengerang, Johor. Untuk keterangan lanjut, sila layari www.jpdc.gov.my.

Kenyataan media oleh:

Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC)

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Jabatan Komunikasi Strategik, JPDC melalui e-mel kepada **Rofidah Azman** di [wanrofida@jpdc.gov.my](mailto:wанrofидah@jpdc.gov.my)